

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENI BINA DALAMAN
DIS 2005 – MEI 2006

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh:

NOOR HIDAYAH BT. MOHAMAD AKHIR

2003260490

bertajuk

LAPORAN

CADANGAN REKABENTUK DALAMAN

PERPUSTAKAAN KANAK - KANAK

DI PT 861, FASA 6A TAMAN PAUH JAYA

JALAN BARU , 13 700 SEBERANG PERAI TENGAH

PULAU PINANG

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia	:	Pn. Ramlah Awi	<hr/>
Koordinator	:	Cik Mawar Bt. Masri	<hr/>
Ketua Program	:	Prof. Rusni Bin Abd Rani @ Ghani	<hr/>

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t syukur alhamdullilah ke hadrah Ilahi dengan limpah kurnia-Nya serta keizinan-Nya saya dapat menyiapkan laporan dan tugasan untuk Kursus Diploma Senibina Dalaman Sesi Disember 2005 – April 2006.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa serta ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan dan galakan kepada saya untuk menyiapkan projek ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Cik Mawar binti Masri selaku Ketua Koordinator Thesis (IND 386) yang banyak memberikan tunjuk ajar dalam proses menyiapkan laporan ini. Jutaan terima kasih juga terutamanya kepada Pn. Ramlah binti Awi selaku supervisor yang banyak meluangkan masa dan memberikan bimbingan serta tunjuk ajar dan juga pandangan kepada saya sepanjang projek ini berjalan. Tidak dilupakan kepada semua pensyarah dalam jabatan Senibina Dalaman yang banyak membantu secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan laporan dan projek ini.

Kepada rakan – rakan seperjuangan, diucapkan terima kasih kerana sudi berkerjasama dan memberikan bantuan dan pandangan dalam proses menyiapkan laporan ini serta sokongan moral selama ini. Terima kasih diucapkan.

ABSTRAK

Membaca adalah penting dalam kehidupan seharian manusia di muka bumi ini. Kebanyakan bahan ilmiah ini boleh didapati dalam pelbagai bentuk bahan bacaan dan juga sebagai bahan rujukan, contohnya ialah buku, majalah, surat khabar, risalah dan sebagainya. Seperti yang kita semua ketahui budaya membaca ini perlu diterapkan dari peringkat awal kelahiran sebagai proses untuk menerapkan nilai atau sifat ingin membaca dalam jiwa kanak – kanak itu sendiri. Kanak – kanak diibaratkan sebagai kain putih yang akan ibubapa corakkan. Nilai membaca ini perlu diterapkan untuk memastikan negara kita melahirkan masyarakat yang berilmu dan berwawasan. Cadangan bagi mewujudkan Perpustakaan Kanak – Kanak ini merupakan salah satu cara untuk menerapkan ilmu dan sebagai proses untuk kanak – kanak itu sendiri memperkembangkan mindanya di peringkat awal. Di dalam Perpustakaan Kanak – Kanak ini akan diterapkan dengan pelbagai aktiviti yang dapat membantu kanak – kanak dalam proses perkembangan minda mereka selain daripada bahan bacaan yang biasanya didapati di mana – mana perpustakaan di Malaysia. Matlamat perpustakaan ini adalah untuk menjadikan generasi akan datang masyarakat yang berilmu dan menjadikan perpustakaan ini sebagai contoh kepada perpustakaan lain dalam proses menerapkan budaya membaca kepada kanak – kanak.

PENGHARGAAN
ABSTRAK
ISI KANDUNGAN

i
ii
iii – iv

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT****BAB 1.0 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	3 - 4
1.2	Matlamat	5
1.3	Objektif	6
1.4	Metodologi	7-9
1.5	Kepentingan Kajian	10
1.6	Latar Belakang Klien	
1.6.1	Pengenalan	11
1.6.2	Sejarah Penubuhan	12-13
1.6.3	Carta Organisasi	14-15
1.6.4	Perkhidmatan Perpustakaan	16-17

BAB 2.0 KAJIAN TEORITIKAL

2.1	Pendahuluan	18
2.2	Definisi Perpustakaan	19
2.3	Jenis – jenis perpustakaan	20-22
2.4	Peranan dan Fungsi Perpustakaan	23
2.5	Tujuan Perpustakaan	24
2.6	Kajian mengenai Kanak – Kanak	25
2.6.2	Perkembangan fizikal, mental dan emosi	26-31
2.6.3	Cara pembelajaran dan perkembangan minda kanak – kanak	32-33

BAB 3.0 KAJIAN KES

3.1	Pengenalan Projek	
3.1.1	Keperluan Ruang	34-35
3.1.2	Keperluan Kemudahan	36
3.2	Kajian Kes	
3.2.1	Kajian Kes 1 Perpustakaan Kanak – Kanak	37
3.2.2	Fungsi dan tanggungjawab Perpustakaan Kanak – Kanak Pulau Pinang	38

BAB 1.0 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Di Pulau Pinang terdapat Perpustakaan Awam dan Perpustakaan Kanak – Kanak yang dikendalikan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam, Pulau Pinang. Perpustakaan Awam difokuskan untuk semua peringkat umur manakala Perpustakaan Kanak –Kanak adalah di antara umur 0 – 15 tahun. Perbadanan Awam Pulau Pinang dalam proses untuk melancarkan Projek Perintis iaitu Buku Pertama untuk bayi. Ianya bertujuan membantu ibubapa dalam menerapkan sifat membaca kepada anak – anak dari sejak lahir lagi dan untuk membantu perkembangan minda bayi itu sendiri. Buku Pertama Bayi ini di buat menggunakan kain yang akan diibaratkan sebagai “Bantal” yang akan di bawa oleh kanak – kanak ke mana – mana sahaja . Kanak – kanak adalah nilai yang perlu di jaga untuk memastikan mereka tidak terjebak dengan gejala – gejala yang tidak sihat. Bagi memastikan perkara – perkara yang tidak sihat ini berlaku pengisian masa lapang amat penting. Oleh itu , penubuhan Perpustakaan Kanak – Kanak ini amat penting sebagai asas dalam proses mengisi masa lapang dan pembelajaran untuk kanak – kanak itu sendiri.

Oleh sebab itu, pada 2001 Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang telah menjalankan projek “Bacakan Kepadaku” iaitu projek galakan Membaca pada tahun tersebut. Di dalam Perpustakaan Kanak – Kanak ini bukan sahaja akan diterapkan sifat membaca kepada kanak – kanak tetapi juga menarik ibu bapa sekali untuk turut meluangkan masa dalam membantu anak – anak. Dengan adanya aktiviti seperti ini